

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]

TARIKH : 16 November 2015 (Isnin)

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa pengusaha bas sekolah di Sabah dan Labuan dikatakan terpaksa beroperasi dalam keadaan rugi dan mengakibatkan bilangannya semakin berkurangan. Apakah perancangan Kementerian untuk memastikan perkhidmatan bas sekolah ini menjadi lebih menarik kepada pengusaha dan perkhidmatan lebih berkualiti kepada pelanggan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah sedang dan akan melaksanakan beberapa inisiatif dalam usaha untuk menjadikan perkhidmatan bas sekolah menjadi lebih menarik kepada pengusaha serta pada pada masa yang sama mewujudkan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pelanggan.
2. Antaranya adalah dengan mengawal bilangan permit Bas Sekolah yang diluluskan agar sentiasa berada pada tahap optimum. Bilangan permit bagi Bas Sekolah yang dikeluarkan dipantau agar tidak melebihi daripada permintaan (*oversupply*) dan pada masa yang sama mempunyai jaringan perkhidmatan yang luas dan mencukupi bagi setiap kawasan atau penempatan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Di samping itu, LPKP Sabah turut mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap kereta sapu atau Kenderaan Pengangkutan Awam tanpa permit sah. Penguatkuasaan dan operasi bersepadu yang melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ini dijalankan secara berterusan bagi membendung aktiviti kereta sapu yang juga secara langsung telah menyekat pendapatan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam, termasuk pengusaha Bas Sekolah.

4. Tahap kepercayaan pengguna terhadap perkhidmatan Bas Sekolah juga menyumbang kepada faktor pemilihan perkhidmatan oleh pengguna. Dalam hal ini, LPKP Sabah akan menambah baik dasar dan polisi jabatan bagi mempertingkatkan tahap keselamatan penggunaan bas sekolah. Pada masa ini, had umur bagi perkhidmatan Bas Sekolah adalah 30 tahun dan statistik daripada LPKP Sabah menunjukkan lebih daripada separuh Bas Sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan adalah berusia 25 tahun dan ke atas. Melihat usia kenderaan daripada aspek imej dan kualiti perkhidmatan dan keselamatan Bas Sekolah, LPKP Sabah sedang meneliti beberapa langkah baru seperti mengurangkan tempoh permit daripada 5 tahun kepada 1 tahun agar pemeriksaan fizikal kenderaan dalam dilaksanakan dengan lebih kerap dan teliti bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengusaha Bas Sekolah.

5. Selain itu, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) juga telah melancarkan Skim Perlindungan Insurans Pelajar-Pelajar Sekolah S.P.A.D. Ia adalah skim perlindungan insuran kemalangan berkelompok takaful untuk murid-murid sekolah yang bersekolah di sekolah-sekolah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan menaiki bas-bas sekolah yang berlesen dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) dan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

6. Melalui skim ini, ia mempunyai kesan secara langsung kepada pengusaha-pengusaha bas sekolah, di mana perkhidmatan bas sekolah yang berlesen dengan LPKP dan S.P.A.D. akan mendapat sambutan daripada ibu-bapa. Ini akan menambah keyakinan dan memperbaiki persepsi awam serta secara langsung akan menambahkan pendapatan mereka. Di samping itu, pihak sekolah akan mempunyai keyakinan untuk menggunakan bas sekolah berlesen untuk tujuan aktiviti luar, baik kegiatan kokurikulum mahupun kurikulum.

7. LPKP Sabah akan turut meneliti semakan semula kadar tambang Bas Sekolah di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang kali terakhir dipinda pada tahun 2009. Semakan semula kadar tambang tersebut akan melihat pelbagai faktor seperti peningkatan kos operasi dalam tempoh 6 tahun ke belakang ini. Ia akan dipertimbang dari semua aspek bagi mewujudkan suasana "*win-win situation*" di mana pihak pengusaha akan dapat menampung kos operasi dan mendapat keuntungan dan dalam pada masa yang sama tidak membebankan pengguna.

Sekian, terima kasih.